

CNS2190

U GB 24-12 00155 BH648

bah

MALAYSIA HARAP JEPUN BERPERANAN UTAMA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI
SERANTAU

LEAD Mahathir - Kedutaan

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

TOKYO, 24 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia berharap Jepun akan memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi rantau Asia-Pasifik.

Perdana Menteri berkata peranan itu sesuai dengan kedudukan Jepun sebagai sumber inspirasi kepada negara-negara membangun di rantau itu.

Ketika berucap merasmikan kompleks kedutaan Malaysia di sini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia dan Jepun telah menjalin hubungan setiakawan dan mesra.

Jepun bukan saja merupakan rakan dagangan utama dan pelabur terbesar di Malaysia tetapi, menurut Perdana Menteri, negara itu telah memberi perangsang kepada Malaysia dalam usahanya mencapai kemajuan ekonomi.

+Saya telah menyebut bahawa hubungan baik antara Malaysia dan Jepun akan terus berkembang dan bangunan kedutaan yang baru ini akan menjadi kemudahan penting ke arah hubungan itu,+ kata beliau.-- Lagi

▼24/12/19-48MST

CNS2193

U GB 24-12 00130 BH649

bah

LEAD Mahathir - Kedutaan 2 Tokyo

Yang turut hadir di upacara itu ialah Timbalan Perdana Menteri Jepun merangkap Menteri Luarnya, Michio Watanabe, ketua-ketua perwakilan asing, termasuk dari negara-negara Asean, serta pegawai-pegawai Jepun dan Malaysia.

Sebelum itu, ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah diberi sambutan secara tradisi Melayu oleh kakitangan dan anggota keluarga kedutaan Malaysia.

Ketibaan Perdana Menteri disambut oleh Duta Malaysia di sini Datuk Mohamed Khatib Abdul Hamid.

Pagi tadi, Datuk Seri Dr Mahathir mengiringi isterinya untuk merasmikan pangsapuri kakitangan kedutaan yang terletak di kawasan kediaman Kami-Meguro.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Siti Hasmah menyeru isteri diplomat Malaysia supaya membantu suami masing-masing ke arah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang.-- Lagi

▼24/12/19-59MST

CNS2203
U GB 24-12 00158 BH650

bah

LEAD Mahathir - Kedutaan 3 (akhir) Tokyo

Katanya dalam perkhidmatan luar negeri, peranan isteri menerusi kegiatan anjuran kedutaan sama pentingnya dengan tugas suami.

Datuk Seri Dr Siti Hasmah juga menasihatkan mereka supaya jangan mengabaikan pendidikan anak-anak, khususnya dalam bidang agama, Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan budipekerti.

Sehubungan dengan ini, beliau memuji para isteri diplomat di sini kerana menganjurkan kelas berkenaan.

Kedua-dua kompleks yang dirasmikan hari ini siap Oktober lepas pada harga \$114 juta. Pembinaannya ialah ekoran penjualan kediaman lama duta dan tanah kepunyaan kerajaan Malaysia di sini.

Pelbagai agensi kerajaan Malaysia di Tokyo akan diletakkan di kompleks itu. Selain itu, ia menempatkan kediaman rasmi duta dan bangunan pejabat kedutaan setinggi empat tingkat dan lima pangsapuri kaki tangan.

Ta mempunyai idewan serbaguna yang boleh menampung 250 orang, kemudahan penterjemahan dan alat pandang dengar.

Reka bentuknya melambangkan ciri-ciri tradisi dan moden Malaysia, Jepun dan Islam.-- Bernama

♥24/12/20-17MST